

Media Title : Harian Metro

Headline : 'Scammer guna AI tiru suara kita'

Date : 24 October 2023

Section : Lokal

Page : 5



HANYA PERLU 5 SAAT

'Scammer guna AI tiru suara kita'

Kuala Lumpur: Scammer kini memerlukan hanya lima saat untuk meniru suara dengan menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) sebelum 'suara jadi-jadian' itu diguna bagi memperdaya mangsa seterusnya.

"Terkini, menerusi teknologi AI, kita jawab satu panggilan, dalam masa lima saat, scammer akan dapat tiru suara kita menggunakan teknologi berkenaan.

"Seterusnya, suara kita itu digunakan untuk menipu orang lain, dengan teknologi itu mereka dapat meniru nada, suara, dan gaya kita," dedah Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf.

Kata beliau, seboleh-bolehnya, orang ramai tidak perlu menjawab panggilan telefon yang meragukan kerana scammer menggunakan pelbagai kaedah bagi melakukan penipuan.

Menurut Ramli, walaupun pihaknya tidak menerima sebarang laporan berhubung jenis penipuan menggunakan teknologi AI itu tetapi pihaknya percaya, aktiviti terbabit berlaku.

"Memang kita akui ia sudah berlaku namun kami tidak menerima sebarang laporan polis yang dibuat mangsa.

"Justeru, orang ramai diingatkan untuk sentiasa berwaspada dalam menerima sebarang panggilan daripada nombor yang tidak diketahui atau meragukan," katanya kepada

Harian Metro.

Pada masa sama, Ramli mengingatkan orang ramai supaya menamatkan panggilan dan tidak menjawab soalan susulan yang dikemukakan oleh scammer jika tidak mahu terjerat dengan taktik penipuan.

Menurut Ramli, soalan kedua dan ketiga yang dikemukakan sindiket penipuan itu mampu menjerat mangsa, seterusnya menyebabkan mangsa tertipu.

"Jika kita jawab panggilan, respon pertama mereka akan minta pengesahan, kemudian akan ada soalan kedua dan ketiga.

Kebiasaannya, selepas soalan itu, mangsa sudah terjerat dan akan mengikut apa yang diberitahu oleh scammer.

"Contoh, kita terima panggilan yang mengaku dia dari syarikat kurier dan mendakwa bungkusan kita mempunyai kad pengenalan orang lain dan mereka akan minta pengesahan dengan membaca nama dan nombor kad pengenalan kita.

"Bila kita sahkan, scammer akan tanya lebih lanjut walaupun kita sudah nafikan, cara mereka buat psikologi kepada mangsa sehingga mangsa terjerat," katanya.

**Suara kita
itu digunakan
untuk menipu
orang lain**

Ramli

